dan lemah, tidak perlu takut kepada orang-orang kaya, orang-orang kuat dan orang-orang yang telah didapati bersalah. Sebagai usaha terakhir, mahkamah-mahkamah akan memberi perlindungan kepada mereka. Dalam negara ini, bukan sahaja Perlembagaan atau Kerajaan, tetapi juga rakyat yang akan menjamin bahawa keadilan Undang-Undang sentiasa wujud. Janganlah ada seorang jua pun, bagaimana besar, bagaimana kaya, atau bagaimana berpengaruh sekalipun, cuba memperkecilkan keazaman rakyat menjunjung keadilan Undang-Undang itu.